

1982

31

KUALA LUMPUR, 10 SEPT. (BERNAMA)--DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD HARI INI MENGGARISKAN TIGA TUGAS UTAMA YANG HARUS DIPELOPORI OLEH UMNO MULAI SEKARANG UNTUK MENJAMIN KEHIDUPAN YANG LEBIH BAHAGIA BAGI ORANG-ORANG MELAYU DI MASA HADAPAN.

KTIGA-TIGA TUGAS ITU IALAH:

- . MENGUBAH SIKAP ORANG-ORANG MELAYU SUPAYA SESUAI DENGAN KEHENDAK AGAMA ISLAM DI ZAMAN MODEN,
- . MENINGKATKAN LAGI AMALAN MENGENAI ISLAM, DAN
- . MENJAMIN MASYARAKAT MELAYU BENAR-BENAR MENGAMALKAN AJARAN AGAMA ISLAM.

SAMBIL MENSIFATKAN TUGAS-TUGAS TERSEBUT SEBAGAI +PERJUANGAN+ TERBESAR YANG PERNAH DIHARAPKAN DARI UMNO SEJAK KEWUJUDANNYA 36 TAHUN YANG LALU, PERDANA MENTERI MENEGASKAN IA JUGA PERLU DISEMPURNAKAN DEMI MENCAPAI MATLAMAT MENJADIKAN MALAYSIA SEBUAH NEGARA YANG BERNARUHAN DAN DISEGANI OLEH MASYARAKAT ANTARABANGSA.

32

DATUK SERI DR. MAHATHIR MELUAKAN HASRATNYA INI DALAM UCAPAN DASAR BELIAU SEMASA MERACIKAN PERHIMPUNAN AGUNG KE-33 UMNO DI HOTEL HILTON DI SINGAPORE. --LAGI 1002/MD

MAHATHIR-DASAR 2 KUALA LUMPUR

DALAM UCAPAN SELAMA 90 MINIT ITU YANG DISIARKAN KE SELURUH NEGARA SECARA LANGSUNG MENERUSI RADIO MALAYSIA, PRESIDEN UMNO ITU JUGA MENGHURAIKAN RASIONALITA DI SEBALIK BERBAGAI PERUBAHAN YANG DIBUATNYA SEJAK MENGAMBILALIH TERAJU PEMERINTAHAN NEGARA SETAHUN LALU.

PERKARA-PERKARA LAIN YANG DISENTUHNYA TERMASUKLAH PILIHAN-RAYA UMUM APRIL LALU, CABARAN-CABARAN YANG DIHADAPI OLEH UMNO DI MASA DEPAN, POLITIK DAN EKONOMI, MASALAH KEPENDUDUKAN, SOAL DEMOKRASI DAN LIBERALISME, DASAR PANDANG KE TIMUR, ISU KAFIR-MENGAFIR, FREEMASON DAN DASAR LUAR-NEGERI.

MENURUT DATUK SERI DR. MAHATHIR, WALAUPUN SETAKAT INI UMNO TELAH BERJAYA MENEWASKAN MALAYAN UNION, MENCAPAI KEMERDEKAAN, MENEBUS MARUAH ORANG MELAYU, MENEGAKKAN AGAMA ISLAM, MEMERINTAH DENGAN ADIL SERTA MEMBAWA PEMBANGUNAN, PERJUANGAN YANG DISARANKANNYA ITU ADALAH LEBIH BESAR DARIPADA PERJUANGAN-PERJUANGAN YANG TELAH MENCAPAI HASIL ITU.

KATANYA INI PENTING KERANA SEHINGGA INI, ORANG MELAYU CUMA BERCAKAP BERKENAAN DENGAN AGAMA ISLAM TETAPI AMALAN MEREKA ADALAH BERLAINAN. --LAGI 1014/AN

MAHATHIR-DASAR 3 KUALA LUMPUR

+MEREKA BERCAKAP TENTANG PERSAUDARAAN DALAM ISLAM TETAPI ADA DI ANTARA MEREKA YANG MENIMBULKAN ISU SUPAYA ORANG ISLAM TIDAK BERSAUDARA. MEREKA BERCAKAP TENTANG MEMPELAJARI ILMU TETAPI MEREKA TIDAK MEMPELAJARINYA. MEREKA BECAKAP TENTANG KETAHANAN ORANG ISLAM TETAPI TIDAK BERUSAHA KE ARAHNYA,+ TEGAS PERDANA MENTERI.

BELIAU MEMBERI AMARAN BAHAWA KERAJAANNYA TIDAK AKAN RAGU-RAGU BERTINDAK KE ATAS MANA-MANA PIHAK YANG CUBA MENCEMAR KESUCIAN ISLAM ATAU MENGGUGAT AKIDAH SERTA KEIMANAN PARA PENGANUTNYA.

PERLEMBAGAAN NEGARA MENJADIKAN KEDUDUKAN AGAMA ISLAM SEBAGAI TANGGUNGJAWAB KERAJAAN DAN DENGAN DEMIKIAN, KERAJAAN BERTANGGUNGJAWAB MEMELIHARA DAN MELINDUNGI UMAT ISLAM DI NEGARA INI DARI SEGALA AJARAN SESAT.--LAGI 1015/NB

B513

MAHATHIR-DASAR 4 KUALA LUMPUR

PERDANA MENTERI MENYENARAIKAN PERISTIWA-PERISTIWA SEPERTI SEMBAYANG DUA IMAM, PERKUBURAN YANG BERASINGAN SESAMA ORANG ISLAM, PENGGUNAAN SIMBOL PARTI UNTUK MAYAT DAN PERPECAHAN MASYARAKAT ISLAM YANG BERLAKU DI SETENGAH-SETENGAH TEMPAT TERUTAMA DI TRENGGANU SEKARANG SEBAGAI CONTOH KEGIATAN YANG BERTENTANGAN DENGAN ISLAM DAN MENCEMARKAN AGAMA ITU.

SAMBIL MENYEBUT BEBERAPA PEMIMPIN PAS SEBAGAI BERTANGGUNGJAWAB TERHADAP KEJADIAN ITU, DATUK SERI DR.MAHATHIR MENEGASKAN.

+SAYA INGIN MEMBERI AMARAN KEPADA PEMIMPIN-PEMIMPIN PAS YANG SUKA MENCEMAR AGAMA ISLAM DAN MENGELIRU SERTA MEMESONGKAN KEPERCAYAAN ORANG ISLAM BAHAWA KERAJAAN AKAN MENGAMBIL TINDAKAN UNDANG-UNDANG BAGI MENGHENTIKAN KEGIATAN MEREKA+.

+KERAJAAN BERTANGGUNGJAWAB MEMELIHARA DAN MELINDUNGI UMAT ISLAM DI NEGARA INI DARI SEGALA AJARAN SESAT DAN TOKOH-TOKOH POLITIK YANG TAMAK KUASA TIDAK DIKECUALIKAN DARI UNDANG-UNDANG YANG AKAN DIKUATKUASAKAN OLEH KERAJAAN,+ TAMBAHNYA.

SAGAIMANAPUN, BELIAU TIDAK PULA MENERANGKAN BENTUK TINDAKAN YANG AKAN DIAMBIL.

--LAGI 1033/AN

B514

MAHATHIR-DASAR 5 KUALA LUMPUR.

SEBELUM ITU, DATUK SERI DR. MAHATHIR MENGGUKU BAHAWA SEJAK SETAHUN LALU PIHAKNYA TELAH MENGAMALKAN SIKAP YANG LEBIH LIBERAL DALAM MENJALANKAN PEMERINTAHAN NEGARA.

INI DAPAT DILIHAT DARI RAMAINYA ORANG-ORANG TAHANAN YANG DI BEBASKAN, TAWARAN UNTUK MELEPASKAN GOLONGAN +HARD CORE+ KOMUNIS YANG SANGGUP KERAYATAANYA DILUCUTKAN DAN DITERIMA OLEH NEGARA ASING SERTA KEBEBESAN YANG DIBERI KEPADA AKHBAR DAN KEBENARAN MENERBIT SURAT-SURAT KHBAR SERTA MAJALAH YANG BARU.

BELIAU MENYESALI BAHAWA WALAUPUN MENJADI HARAPAN KERAJAAN UNTUK DASAR TERSEBUT DIHARGAI DAN DIPELIHARA OLEH PIHAK-PIHAK YANG MENDAPAT FAEDAH, ADA PIHAK YANG MENGANGGAP KEBEBASAN ITU SEBAGAI SATU LESEN UNTUK MEMBUAT SESUATU SESUKA HATI.

KATANYA + ADA YANG CUBA MENYELEWENGGAN PROSES UNDANG-UNDANG DENGAN MENGGUNA TEKANAN DARI LUAR NEGERI UNTUK MEMBEBASKAN PENJENYAH YANG TELAH DIHUKUM MENGIKUT SEMUA PROSES UNDANG-UNDANG+.

+DI BIDANG AKHBAR PULA, SETELAH KEBEBESAN DIBERI DENGAN MUDAH, ADA AKHBAR-AKHBAR BARU YANG MENGGUNA SEKS DAN SKANDAL UNTUK MENDAPAT PELANGGAN YANG RAMAI+.

--LAGI 1030/AN

MAHATHIR-DASAR 6 KUALA LUMPUR

PADA PERMUKAANNYA AKHBAR-AKHBAR INI KONONNYA MEMANDANG BERAT SKANDAL-SKANDAL YANG BERLAKU. TETAPI YANG SEBENARNYA YANG DI-UTAMAKAN IALAH KELARISAN PENJUALAN AKHBAR BERKENAAN.

TUDUHAN YANG MELULU DIBUAT TANPA MENGAMBILKIRA KESAN KEPADA YANG DITUDUH. AKHBAR-AKHBAR INI MENGAMBIL KESEMPATAN DARI KE-ENGGANAN YANG DITUDUH MENGHADAPI PUBLISITI.

SAMBIL MENYATAKAN BAHAWA KERAJAAN MEMANDANG BERAT PERKARA INI, PERDANA MENTERI MEMBAYANGKAN SEMIRANYA IA DITERUSKAN KERAJAAN MUNGKIN MENUKAR SEMUA SIKAP LIBERALNYA SEKARANG.

+KITA LIBERAL KERANA KITA PERCAYA MASYARAKAT MALAYSIA SUDAH DEWASA TETAPI KALAU TIDAK ADA PENGHARGAAN TERHADAP DASAR KERAJAAN MAKA TERPAKSALAH KERAJAAN MENAMATKAN LIBERALISME YANG DISALAH-GUNAKAN INI,+ UJAR BELIAU.

DATUK MAHATHIR JUGA MENGINGATKAN PIHAK-PIHAK TERTENTU BAHAWA SIKAP KERAJAAN ITU TIDAK BOLEH DIANGGAP SEBAGAI TANDA KELEMAHAN.

DALAM HUBUNGAN INI, BELIAU MENGULANGI BAHAWA KERAJAAN TIDAK ADA CADANGAN UNTUK MENGHAPUSKAN AKTA KESELAMATAN DALAM NEGERI SELAGI KEGIATAN-KEGIATAN YANG MENGANCAM KEAMANAN NEGARA MASIH DIMINATI OLEH GOLONGAN TERTENTU.

--LAGI 1021/AN

B516

MAHATHIR-DASAR 7 KUALA LUMPUR

MENGENAI DASAR MEMANDANG KE TIMUR, PERDANA MENTERI BERPENDAPAT IA SELARAS DENGAN KEHENDAK-KEHENDAK ISLAM.

KATANYA SIFAT-SIFAT KERAJINAN BEKERJA, KEGEMARAN MENUNTUT ILMU, Mencari NAFKAH, KEBERSIHAN, KETAHANAN DAN NILAI-NILAI YANG BAIK YANG HENDAK DICONTOKI DARI NEGARA-NEGARA TIMUR YANG BERJAYA ITU, TERUTAMA JEPUN DAN KOREA SELATAN, ADALAH JUGA SIFAT-SIFAT YANG DIPANDANG TINGGI DAN DITUNTUT OLEH ISLAM.

--BERNAMA 1022/AN

33